



SIARAN AKHBAR BERSAMA

HARI CELIK KEWANGAN KEBANGSAAN (NFLD) JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN 2025 BAGI PELAJAR-PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

**Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI)
Rabu, 3 Rabiulawal 1447H bersamaan dengan 27 Ogos 2025M**

1. Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan (NFLD) 2025 yang bertemakan "Bijak Wang, Selamat Secara Digital", diakhiri hari ini dengan Majlis Penutup yang berlangsung di Dewan Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI). Majlis ini menandakan penutupan rasmi bagi acara dua hari yang dianjurkan bersama oleh Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Kementerian Pendidikan (MOE), yang bertujuan untuk memperkukuh celik kewangan dalam kalangan pelajar melalui pembelajaran interaktif dan penyertaan aktif.
2. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan. Turut hadir ialah Yang Mulia Hajah Rashidah binti Hj Sabtu, Pengarah Urusan, BDCB juga sebagai ahli Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), Yang Mulia Awang Mohammad Harris Bin Brigadier Jeneral (Rtd) Dato Paduka Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Urusetia Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan dan BDCB.
3. Acara kemuncak semasa Majlis Penutup tersebut adalah penyampaian hadiah bagi pemenang pertandingan FIN-novators yang telah mempamerkan projek-projek dalam Financial Maze pada hari pertama jerayawara ini dengan menggunakan alat dan permainan interaktif yang mencerminkan senario serta konsep kewangan sebenar. Bagi Kategori Guru, tempat pertama dimenangi oleh Pusat Tingkatan Enam Belait yang diwakili oleh Cikgu Norlela binti Haji Puasa, Cikgu Nur Amalina binti Md Jair, dan Cikgu Haji Ahmad Nashihin binti Haji Salim dengan produk mereka 'Takaful Trail'. Tempat kedua dianugerahkan kepada Sekolah Menengah Masin, manakala tempat ketiga jatuh kepada Sekolah Menengah Sayyidina Othman. Bagi Kategori Pelajar pula, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan muncul juara, dengan ahli pasukan terdiri daripada Dk Alviana Arena Adlina Amirah binti Pg Alimin, Nur Aliah binti Dato Seri Pahlawan Spry, dan Jahezah Thaqifah binti Hamjah dengan produk mereka 'Reality Cheque/Ringggit Rangers'. Tempat kedua dimenangi oleh Sekolah Menengah PAP Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah, diikuti oleh kumpulan lain yang juga daripada Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan di tempat ketiga.
4. Sebelum majlis penutup, hari terakhir jerayawara diteruskan dengan aktiviti dalam Financial Maze. Para pelajar berpeluang meneroka pelbagai topik seperti pengurusan kewangan, simpanan dan pelaburan, pembayaran digital, perancangan persaraan, keusahawanan, dan perlindungan pengguna kewangan. Financial Maze ini menampilkan pameran dari BDCB, Pasukan Polis Diraja Brunei, Tabung Amanah Pekerja (TAP), Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Cyber Security Brunei, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Baiduri Bank, Standard Chartered Bank, Bank Usahawan, Insurans Islam TAIB, Syarikat Takaful Brunei Darussalam, AIA Brunei, BIBD Securities, Standard Chartered Securities, National Digital Payment Network (ndpx), dan Datastream Digital (DST).

5. Secara keseluruhan, seramai lebih daripada 2,000 pelajar dari Tahun 7, 8, 9, 10, dan 12 telah menyertai acara ini dari keempat-empat daerah, termasuk pelajar-pelajar dari kawasan luar bandar dan kurang mendapat liputan.
6. Jerayawara Kesedaran Kewangan NFLD 2025 mencerminkan komitmen berterusan BDCB dalam memupuk generasi celik kewangan dan berdaya tahan digital. Melalui pendekatan kolaboratif, inisiatif ini bertujuan untuk membekalkan golongan muda dengan pengetahuan dan kemahiran jangka panjang yang diperlukan untuk mengurus kewangan secara bijak, menavigasi persekitaran kewangan digital dengan selamat, dan menjadi pengguna kewangan yang berkeyakinan serta bertanggungjawab.
7. Untuk maklumat lanjut mengenai NFLD 2025, sila layari www.bdcg.gov.bn dan ikuti BDCB di Instagram @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 3 Rabiulawal 1447/ 27 Ogos 2025

Rujukan: BDCB/COMMS/3